
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 200 1

KIT 250 – Pengurusan Industri

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab sebarang **LIMA** soalan.

Jika calon menjawab lebih daripada lima soalan, hanya lima soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Kenapakah para pengurus perlu membangunkan kaedah-kaedah kawalan?
(20 markah)
2. Anda telah ditugaskan untuk merancang pengembangan organisasi anda. Apakah faktor-faktor luaran yang perlu dipertimbangkan apabila anda merancang pengembangan tersebut?
(20 markah)
3. Kenapakah para pekerja takut pada perubahan dan kenapa anda fikir perubahan itu perlu?
(20 markah)
4. Nyatakan prinsip-prinsip utama pengurusan dan mengapakah ianya penting?
(20 markah)

../2-

-2-

5. (a) Seorang pekerja datang kepada anda untuk mengadu. Anda sebagai penyeliaanya dikehendaki memberi taklimat kepadanya tentang tatacara rungutan syarikat. Huraikan bentuk taklimat yang perlu anda sampai kepadanya.
(10 markah)
- (b) Apakah pentingnya bagi sesebuah syarikat diiktiraf sebagai "ISO 9000 Certified"? Huraikan 3 sebab dengan terperinci.
(5 markah)
- (c) Apakah yang terlintas di fikiran anda bila ditanya mengenai KUALITI? Senaraikan 8 dimensi KUALITI yang mesti diambil kira sebelum kos sesuatu barang itu boleh ditetapkan.
(5 markah)
6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan MRP?
(2 markah)
- (b) Apakah kepentingan MRP ini? Senaraikan perkara atau maklumat yang yang perlu ada sebelum MRP ini boleh dijalankan.
(3 markah)
- (c) Apakah yang dinamakan INVENTORI itu? Apakah peranan yang dimainkannya di dalam sesebuah syarikat?
(5 markah)
- (d) Berikan 5 sebab kenapa kadang-kadang sesuatu bahan atau alat itu elok dibuat sendiri oleh pengilang. Berikan juga 5 sebab kenapa ianya lebih elok dibeli sahaja?
(10 markah)

.../3-

-3-

7. (a) Kenapakah kita perlu mengawal sesuatu proses di dalam pengeluaran pengilangan? Apakah kaedah yang lazim digunakan?

(5 markah)

- (b) Terdapat 5 kumpulan asas pekerja bagi menghasilkan gula di sebuah kilang di Pulau Pinang. Berat setiap gula yang ditimbang adalah seperti berikut:

X1 bar = 10 kg
 X2 bar = 12 kg
 X3 bar = 10 kg
 X4 bar = 11 kg
 X5 bar = 12 kg

Spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak majikan ialah $X \text{ bar} = 12 \pm 1 \text{ kg}$.

Sila dapatkan:

- (a) \bar{X} bar (2 markah)
 (b) Sigma (2 markah)
 (c) UCL (3 markah)
 (d) LCL (3 markah)
 (e) C_p (2 markah)
 (f) C_{pk} (3 markah)

n	A ₂	D ₃	D ₄	d ₂
2	1.880	0.000	3.267	1.128
3	1.023	0.000	2.574	1.693
4	.729	0.000	2.282	2.059
5	.577	0.000	2.115	2.326
6	.483	0.000	2.004	2.534
7	.419	0.076	1.924	2.704
8	.373	0.136	1.864	2.847
9	.337	0.184	1.816	2.970
10	.308	0.223	1.777	3.078

-oooOooo-